

# Dari BERSIH ke MANSUH:

## Rakyat Tunjukkan Jalan Kepada BN

Demonstrasi Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH) pada 10 November 2008 hampir membuahkan hasil apabila salah satu tuntutan iaitu menggunakan dakwat kekal kepada pengundi dimajukan oleh SPR walaupun ditarik balik sejeurus sebelum Pilihanraya Umum Malaysia 2008.

Demonstrasi BERSIH juga membuahkan hasil apabila menyumbangkan kepada gelombang tsunami politik rakyat Malaysia yang hampir menumbangkan rejim Umno-BN.

Demonstrasi HINDRAF tidak lama selepas itu pula turut memberi kesan kepada sokongan kaum Hindu yang selama ini begitu taksub kepada BN, MIC dan Samy Vellu, beralih arah kepada Pakatan Rakyat (ketika itu Barisan Alternatif - BA).

Ia berjaya meruntuhkan sekaligus hampir meranapkan kerjaya politik Samy Vellu apabila kalah di kawasan sendiri pada tarikh hari jadinya ke 72. Setiap tahun pasti Samy Vellu akan menyambut hari lahirnya dengan wajah yang sugul mengenangkan tarikh ulang-tahun kekalahannya.

Demonstrasi PROTES harga minyak pada 6 Julai tahun lalu diadakan selepas kenaikan mendadak sebulan sebelum itu.

Hasilnya, harga petrol mulai turun "seposen demi seposen" daripada Ogos ke November 2008.

Demonstrasi Anti-PPSMI pula telah diadakan pada bulan Mac lalu hampir membuahkan hasil apabila kerajaan



### TUNTUTAN RAKYAT

1. Mansuhkan ISA
2. Bebaskan Tahanan ISA
3. Tutup Kem Kamunting



mengumumkan akan memansuhkan dasar itu pada 2012, minggu lalu.

Ia dimajukan sendiri oleh Menteri Pelajaran merangkap Timbalan Perdana Menteri Malaysia, kira-kira 4 bulan selepas demonstrasi Anti-PPSMI dilakukan.

**Pada 1 Ogos 2009, demonstrasi MANSUH ISA** diadakan secara

besar-besaran sempena ulangtahun "kelahiran" akta dakronian tersebut.

Nampaknya, hanya demonstrasi jalanan yang dapat tunjukkan jalan kepada BN.

PemudaGombak.com mencadangkan agar diadakan demonstrasi mansuhkan BN pula selepas ini.

[www.PemudaGombak.com](http://www.PemudaGombak.com) ©